



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Ara 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.moh.gov.my>
(Official Portal)

Ruj. Kami : JPT.S (BHEPP) 2009/011/023/02 Jld. 3 (4)

Tarikh : /8 Mei 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN


YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr.,

**ARAHAN PENANGGUHAN SERTA MERTA AKTIVITI DI HUTAN REKREASI
KEPADA SEMUA INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI (IPT) DI MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr. sedia maklum, Jabatan ini amat prihatin ke atas keselamatan semua pelajar IPT di dalam kampus dan ketika menjalani aktiviti luar kampus.
3. Sehubungan itu, adalah dipohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr. untuk mengambil tindakan serta-merta seperti berikut:

- i. Semua IPT hendaklah memastikan sebarang aktiviti luar yang melibatkan penyertaan mahasiswa telah mengambil kira pelbagai faktor seperti tahap risiko, keselamatan, kebajikan, dan sebagainya yang dirasakan perlu demi kesejahteraan pelajar.




- ii. Semua aktiviti luar terutamanya yang boleh mendedahkan pelajar kepada risiko keselamatan dan kebajikan hendaklah ditangguhkan serta merta sehingga satu garis panduan dikeluarkan dalam masa terdekat; dan
- iii. Walau bagaimanapun, pihak IPT perlulah menggunakan budi bicara masing-masing dalam meluluskan program-program yang berkaitan terutamanya program luar.

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi IPTA

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k:

KSU, KPT

TKSU (P), KPT

Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said
NAIB CANSelor
VICE CHANCELLOR

Universiti Teknologi MARA
Ara 6, Canselor TuanKu Syed Shajidudin
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
Tel: +603-5544 2001 / 2222
Faks: +603-5544 2030 / 2223
E-mel: hassan@salam.utim.edu.my



Rujukan Kami : 100-NC(PT6/2)
Tarikh : 19 Mei 2017

Kepada Semua

Rektor/Dekan Fakulti
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Universiti Teknologi MARA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan Salam Sejahtera.

YBhg Dato'/Datin/Prof/Tuan/Puan

ARAHAN PENANGGUHAN SERTA MERTA AKTIVITI DI HUTAN REKREASI KEPADA SEMUA INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI (IPT) DI MALAYSIA


Dengan segala hormatnya pihak universiti merujuk kepada surat Arahan Penangguhan Serta Merta Aktiviti Di Hutan Rekreasi Kepada Semua Institut Pendidikan Tinggi (IPT) Di Malaysia dari Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi IPTA bertarikh 18 Mei 2017 [No. Rujukan: JPT.S(BHEPP)2000/011/023/02 Jld.3(4)] yang membawa maksud tersendiri.

2. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak YBhg Dato'/Datin/Prof/Tuan/Puan untuk mematuhi pekeliling yang diedarkan serta sebarang aktiviti di hutan rekreasi hendaklah mendapat kelulusan daripada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar.

3. Kerjasama dan perhatian YBhg Dato'/Datin/Prof/Tuan/Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar

PROFESOR EMERITUS DATO' DR HASSAN SAID
Naib Canselor



Disertakan/-

